

# Kementerian, IPT bekerjasama lahirkan pengurus ladang

**PUTRAJAYA 18 Sept.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pertanian Serdang (IPS) dalam usaha melahirkan pengurus ladang yang berkebolehan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, satu perjumpaan akan dilakukan dalam masa terdekat bagi memastikan kerjasama tersebut dapat dilaksanakan segera.

“Selepas kembali dari lawatan kerja ke China nanti, satu perjumpaan akan diadakan dengan semua pakar dari UPM dan IPS bagi membincangkan perkara ini sekali gus mencari model baharu bagi menjayakan usaha melahirkan pengurus ladang yang boleh memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.

“Buat masa ini, kita sudah ada model pengurus estet namun perlu ada model baharu bagi pengurus ladang yang akan dibincangkan bersama UPM dan IPS nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang akhbar selepas pelancaran platform jualan dan pemasaran milik Alibaba Group, Juhuasuan bagi pasaran China, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Juhuasuan, Alan Ao.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama itu, Salahuddin menjelaskan, pemilik kebun kecil akan menguruskan kebun secara profesional berdasarkan teknologi terkini selain didedahkan dengan pengetahuan lebih efisien bagi meningkatkan hasil tanaman atau pertanian.

Sementara itu, mengenai platform jualan dan pemasaran, Juhuasuan, beliau berkata, kolaborasi tersebut penting kepada Malaysia dalam usaha mengukuhkan kerjasama dan memperkasakan produk tempatan ke China.

“Pasaran antarabangsa terutama China amat besar, maka menjadi cabaran dan tanggungjawab saya serta kementerian bagi memastikan industri berkaitan pertanian dapat ditingkatkan,” katanya.



**SALAHUDDIN AYUB** (dua dan kiri) dan **Alan Ao** (kiri) melawat gerai jualan selepas melancarkan Alibaba Juhuasuan di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Pengarah Urusan OldTown White Coffee, **K. C. Ong** (dua dari kanan) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, **Datuk Dr. Quqza Nizamuddin Hassan Nizam**. - BERNAMA